



TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA:

PUAN HAJAH NORRIZAN BT BAHARI MENGENAI PENGALAMAN BELIAU
PENGALAMAN BELIAU SEBAGAI SEORANG GURU BESAR YANG
DIANUGERAHI PERKHIDMATAN CEMERLANG DI
KUALA LUMPUR

DISEDIAKAN OLEH:

NUR AFIQAH BINTI RJ MOHAMAD
AIMAN PUTRA BIN AMRAN

PROJEK DIMAJUKAN KEPADA:

FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA,
JOHOR KAMPUS SEGAMAT BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR604 – ORAL DOCUMENTATION

SEMESTER 5 (MAC – JUN 2014)

ISI KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
1.0 PENGHARGAAN	i
2.0 ABSTRAK	ii
3.0 SINGKATAN	iii - iv
4.0 BIODATA PENULIS	v – vi
5.0 PENGENALAN 5.1 OBJEKTIF 5.2 SEJARAH PENDIDIKAN NEGARA MALAYSIA	vii - xix
6.0 TRANSKRIP WAWANCARA	1 - 56
7.0 LOG WAWANCARA	xx – xxiv
8.0 KRONOLOGI (DIARI)	xxv - xxx
9.0 BIODATA TOKOH	xxxi
10.0 SENARAI SOALAN WAWANCARA	xxxii - xl
11.0 RALAT	xli
12.0 SENARAI RUJUKAN	xlii
13.0 LAMPIRAN	xlili - xlvii
14.0 INDEKS	xlvi - l

1.0 PENGHARGAAN

Assalamualaikum w.b.t. Terlebih dahulu kami panjatkan rasa penuh kesyukuran kepada Yang Maha Esa, Allah S.W.T kerana akhirnya kami dapat melengkapkan Projek Sejarah Lisan ini dengan jayanya. Tidak dinafikan, berbagai kekangan yang kami hadapi sebelum dan selepas selesai sesi temubual bersama tokoh, namun dengan berkat kesabaran kami dan pertolongan-Nya, kami dapat atasi masalah yang melanda.

Jutaan terima kasih kami tujukan kepada pembimbing akademik kami untuk subjek IMR604 – ORAL DOCUMENTATION (Sejarah Lisan), Encik Mohd Faizal bin Ramsi yang telah memberikan segala ilmu yang beliau miliki kepada kami dan memberi kami segala tunjuk ajar untuk meyiapkan projek ini. Terima kasih yang tidak terhingga lagi sekali di atas dorongan beliau dan kami amat menghargainya.

Puan Hajah Norrizan binti Bahari, tokoh yang kami hormati dan setinggi-tinggi terima kasih kami ucapkan kerana kerjasama yang beliau berikan. Tidak dilupakan pekerja sekolah iaitu, Puan Jamaliah binti Marjoh yang telah banyak membantu kami dengan memberi informasi mengenai tokoh. Kami tidak mungkin akan dapat menghasilkan transkrip yang sebegini lengkap dan bernilai ini tanpa bantuannya.

Akhir sekali, kami ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua yang terlibat secara langsung atau pun tidak langsung, ibubapa serta rakan-rakan seperjuangan yang memberikan sedikit sebanyak tunjuk ajar kepada kami di dalam menghasilkan projek transkrip temubual ini.

Sekian terima kasih.

2.0 ABSTRAK

Transkrip Temubual Bersama Puan Hajah Norrizan binti Bahari Mengenai Pembabitan Beliau Dalam Bidang Pendidikan.

Abstrak: Pada 29 Mei 2014, satu rakaman wawancara bersama Puan Hajah Norrizan binti Bahari telah dilakukan pada jam 2.00 petang bertempat di Sekolah Menengah Perempuan Air Panas, Setapak, Kuala Lumpur. Puan Hajah Norrizan binti Bahari merupakan Pengetua Sekolah dan kini beliau berpangkat DG54. Beliau telah memulakan kariernya sebagai Ketua Sekolah bermula pada tahun 1981 hingga sekarang. Sepanjang perkhidmatan beliau dalam bidang pendidikan ini, beliau banyak berpengalaman sebagai pendidik bermula daripada guru biasa kepada ketua panitia seterusnya penolong kanan dan pada hari ini sebagai pengetua sekolah. Dengan segala usaha dan jasa beliau dalam dunia pendidikan ini, beliau telah dianugerahkan Sijil Perkhidmatan Cemerlang pada tahun 1995 dan 2002 seterusnya sebagai Guru Bestari pada tahun 2005.

SINGKATAN

Puan Hajah Norrizan Binti Bahari, Penilaian Menengah Rendah, Pentaksiran Tingkatan Tiga, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia, Institut Aminudin Baki, Sekolah Seri Bintang Utara, Bukit Bintang Girl's School, Universiti Sains Malaysia, Bahasa Melayu, Penolong Kanan, Innovative Thinking, Kemahiran Berasaskan Aras Tinggi, High Order Thinking.

3.0 SINGKATAN

ABM	Anggaran Belanja Mengurus
AJK	Ahli Jawatan Kuasa
BM	Bahasa Melayu
BBGS	Bukit Bintang Girl's School
GPK	Guru Penolong Kanan
GSTT	Guru Sandaran Tidak Terlatih
HOT	High Order Thinking Skill
IAB	Institut Aminuddin Baki
ICT	Information and Communication Technology
I-THINK	Innovative Thinking
JAKIM	Jabatan kemajuan islam Malaysia
JPN	Jabatan Pendaftaran Negara
KEBAT	Kemahiran Berfikir Aras Tinggi
KL	Kuala Lumpur
LCD	Liquid Crystal Display
MPSM	Majlis Pengetua Sekolah Malaysia
NPQH	National Professional Qualification or Headship
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
PBS	Pentaksiran Berasaskan Sekolah
PT3	Pentaksiran tingkatan tiga
PMR	Penilaian Menengah Rendah
PPD	Pejabat Pendidikan Daerah
PK1	Penolong Kanan Satu
PKHEM	Penolong Kanan Hal Ehwal Murid
PTK	Penilaian Tahap Kecekapan
PIBG	Persatuan Ibu Bapa dan Guru
PISA	Program International Student Assessment
PT	Pembantu Tadbir
PPD	Pejabat Pendidikan Daerah
PPW	Pejabat Pelajaran Wilayah
PERASA	Khursus Pembimbing Rakan Sekerja